

22/01/2002

Nik Aziz akui Pas peralat Keadilan

Veena Rusli

KOTA BHARU, Isnin - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui parti itu memeralatkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bagi melaksanakan agenda memperkukuhkan kepentingan politiknya.

Bagaimanapun, beliau mendakwa selain Keadilan yang turut memeralatkan Pas, parti komponen Barisan Nasional (BN) saling mempergunakan antara satu sama lain untuk mencapai cita-cita politik masing-masing.

"Umno guna MCA dan MIC, kami pun pandai juga gunakan parti lain. Pas guna Keadilan... Keadilan gunakan Pas. Konsep Islam tidak melarang kita bergabung dengan orang lain dan sejak kami (Pas) masuk kerajaan campuran dulu lagi kami jadinya sebagai asas perjuangan.

"Masa depan parti pembangkang di negara ini cukup baik kerana selagi orang jahat ada, selagi itulah kami berpeluang membetulkan keadaan. Cuba (parti lawan) tunjuk kebaikan. Dia ceramah kita jawab dan kita ceramah dia jawab, barulah rakyat selesa... ini semuanya tidak boleh," katanya selepas menyampaikan amanat 'Ke Arah Merealisasikan Kelantan Sebagai Jelapang Makanan Negara' di Balai Islam, Lundang, di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ada petanda Keadilan tidak lagi mendapat sokongan dan tidak boleh diperalatkan untuk kepentingan Pas.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya Keadilan, Pas yang mendapat tambahan kerusi Wakil Rakyat sehingga mampu mengatasi DAP sebagai ketua pembangkang.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan mendakwa, tindakan kerajaan memerintah menyekat hak parti pembangkang berceramah membuktikan dakwaan pembangkang selama ini mempunyai kebenaran dan diterima rakyat.

"Kalau kami ceramah benda tak betul, tak perlu disekat kerana dengan sendirinya orang tak akan pergi...tapi yang dia sekat sangat, maknanya rakyat nak dasar parti kami sebab itu dia terpaksa tutup maklumat.

"Islam ini agama benar tetapi Allah tak paksa orang terima Islam. Kalau Islam sendiri tak boleh dipaksa, bagaimana pula parti politik boleh paksa orang masuk parti dia, ini lebih hebat dari Tuhan.

"Sekarang ini saya rasa macam duduk dalam negara komunis sebab surat khabar (pembangkang) tiada, ceramah tak boleh. Kita mahu generasi muda faham bahawa kerajaan salah gunakan demokrasi... democracy to kill democracy (demokrasi untuk membunuh demokrasi)," katanya.

Beliau turut menafikan pengaruh Pas terjejas berikutan kekalahan calon Keadilan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, kelmarin.

Sebaliknya, Nik Abdul Aziz mendakwa kemenangan BN berikutan penggunaan wang yang lebih banyak membuktikan kemerosotan pengaruh parti itu di kalangan rakyat.

Ditanya sama ada kedudukan semasa Keadilan boleh menyukarkan Pas dalam pakatan pembangkang pada masa depan, beliau berkata:

"Gelap cerah (masa depan parti) ini terletak atas pihak lain kerana orang Keadilan sendiri tak timbulkan soal gelap cerah. Lepas gelap, tentulah ada cerah.

"Mengikut bancian kami, BN berbelanja besar untuk mendapatkan sokongan pengundi di Indera Kayangan dan kita yakin mereka tidak mampu melakukan perkara sama pada pilihan raya umum," katanya.

(END)